



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI KELANTAN

KENYATAAN SEBUT HARGA  
(JBPM/KN/09/2023)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

Jabatan	Tajuk Sebut Harga	Taraf/ Jenis Syarikat/ Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa Dan Tempat Taklimat
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KELANTAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG , TANDAS DAN MENGECHAT DI BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PASIR MAS, KELANTAN.	Gred: <b>G1</b>  Kategori: <b>B</b>  Pengkhususan <b>B24</b>  (Sijil/ Lesen hendaklah masih dalam tempoh sah laku sehingga tempoh siap kerja)	<u>Taklimat dan Lawatan Tapak</u>  Kehadiran : <b>DIWAJIBKAN</b>  Tarikh : 08HB MEI 2023 (ISNIN)  Masa : 10.00 pagi  Tempat : Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Mas, Jalan Pohon Celagi, Pekan Pasir Mas, 17000 Pasir Mas, Kelantan  <b>* KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA DI DALAM PERAKUAN PENDAFTARAN SAHAJA.</b>

2. Dokumen Sebutharga akan **DIEMAILKAN** kepada tuan-tuan selewat-lewatnya 3 hari selepas selesai seisi taklimat. Mohon lengkapkan alamat email yang betul dan lengkap semasa kehadiran taklimat/lawatan tapak.Pastikan alamat email tersebut adalah berstatus **AKTIF**.

3. Sijil asal Pendaftaran Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perakuan Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hendaklah **masih dalam tempoh sahlaku** dan hendaklah dikemukakan semasa kehadiran untuk taklimat/ lawatan tapak. Dokumen sebutharga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan alamat email yang tepat.

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan memenuhi semua syarat seperti arahan kepada penyebut harga Bil. JBPM/KN/09/2023 hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan Nombor Sebut Harga** di penjuru kanan sampul surat. Dokumen Sebut Harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan di **Cawangan Pengurusan Kewangan, Tingkat 2 Utara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kelantan sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari, 17 MEI 2023 (Rabu)**. Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh : 03/05/2023

